PERSATUAN BOLA TAMPAR AMATOR NEGERI JOHOR
CAWANGAN JOHOR BAHRU

# KEJOHANAN BOLA TAMPAR TERBUKA VAJB 2008/2009

## 1. NAMA KEJOHANAN

1.1. **Kejohanan Bola Tampar Terbuka VAJB 2008/2009**

## 2. PENGELOLA

2.1. Persatuan Bola Tampar Amator Negeri Johor, Cawangan Johor Bahru.

## 3. TARIKH DAN TEMPAT

3.1. Tarikh : 27 Disember 2008 – 10 Januari 2009
( Setiap Hari Sabtu dan Ahad )

3.2. Tempat: SJK© Foon Yew No 2
Jalan Abdul Samad ,Johor Bahru.

## 4. TUJUAN

4.1. Untuk meningkatkan mutu permainan bola tampar di kalangan daerah Johor Bahru.

4.2. Dapat mengwujudkan perasaan muhibah dan memupuk semangat kesukanan dan kekitaan serta mengeratkan jalinan persahabatan diantara semua pegawai dan pemain.

4.3. Melahirkan serta mencungkil bakat-bakat muda yang boleh diasah dan diketengahkan untuk mewakili daerah Johor Bahru ke pertandingan di peringkat negeri ataupun Negara/ Sukan ***SUKMA*** pada masa waktu yang akan datang.

## 5. KELAYAKAN PENYERTAAN

5.1. Penyertaan adalah terbuka kepada semua pemain yang berminat dalam sukan bola tampar di sekitar peringkat Negeri / Negara / Antarabangsa.

5.2. Sebuah pasukan hanya mengandungi seorang Pengurus, seorang Jurulatih dan penolong jurulatih dan 12 orang pemain sahaja.

5.3 Seorang pemain hanya boleh didaftarkan untuk mewakili satu pasukan sahaja.

## 6. PENDAFTARAN & PENGUNDIAN

6.1 Penyertaan pasukan hanyalah dihadkan kepada 8 pasukan sahaja atas dasar 8 pasukan yang terawal daftar akan dibenarkan untuk mengambil bahagian dalam kejohanan ini.

6.2 Semua borang pendaftaran dan yuran penyertaan hendaklah sampai kepada Setiausaha Pengelola VAJB sebelum atau pada **<u>09 Disember 2008</u>**

6.3. Semua Pengurus Pasukan atau wakilnya adalah dijemput hadir untuk menyaksikan Majlis Pengundian Pasukan dalam kumpulan pada:

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 09 Disember 2008 (Selasa ) |
| Masa | : | 8.00 pm |
| Tempat | : | Bilik Mesyuarat MCA Bahagian Pasir Gudang, 62A, Jalan Rosemerah, Taman Johor Jaya,81100 J.Bahru. |

## 7. UNDANG-UNDANG KEJOHANAN

7.1. Selain daripada peraturan-peraturan yang ditetapkan, kejohanan ini akan dijalankan mengikut Undang-Undang dan Peraturan Persekutuan Bola Tampar Antarabangsa (FIVB) yang sedang dikuatkuasakan.

7.2. Sekiranya timbul sebarang masalah pentafsirannya, maka Undang-Undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.

7.3. Sebarang kejadian di luar dugaan yang tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengelola.

7.4. Semua keputusan Jawatankuasa Pengelola adalah muktamad.

## 8. SISTEM PERTANDINGAN

8.1. Pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan dalam 2 (dua) kumpulan.

8.2 Semua perlawanan dimainkan secara "Best of 3". Untuk set penentuan, permainan dimainkan mengikut kiraan 25 mata. ( Kecuali perlawanan Separuh – Akhir dan perlawanan Akhir )

## 9. SISTEM PENGIRAAN MATA

9.1.

| | | |
|---|---|---|
| Pasukan yang menang | - | 2 mata |
| Pasukan yang kalah | - | 1 mata |
| Pembatalan Teknik | - | 0 mata |

9.2. Sekiranya terdapat dua (2) atau lebih pasukan yang memperolehi jumlah mata yang sama banyak, pada akhir fasa awal, maka cara menentukan kedudukannya ditetapkan seperti berikut:-

$$C = \frac{\textbf{A Jumlah Set Menang}}{\textbf{B Jumlah Set Kalah}}$$ (semua perlawanan dalam Kumpulan)

Pasukan yang memperolehi nisbah set yang lebih tinggi menduduki tempat atas.

9.3. Sekira masih terdapat persamaan kedudukan, maka cara menentukan adalah seperti berikut:-

**L Jumlah Set Menang**
N = ------------------------- (Perlawanan antara pasukan terlibat)
**M Jumlah Set Kalah**

Pasukan yang memperolehi nisbah set yang lebih tinggi menduduki tempat atas.

9.4. Sekiranya masih tidak dapat menentukan kedudukan ini, maka cara menentukan adalah seperti berikut:-

**P Jumlah Mata Menang**
R = -------------------------- (Perlawanan antara pasukan terlibat)
**Q Jumlah Mata Kalah**

Pasukan yang memperolehi nisbah mata yang lebih tinggi menduduki tempat atas.

9.5. Sekiranya masih terdapat persamaan antara dua (2) pasukan, maka keputusan perlawanan yang telah diadakan antara kedua-dua pasukan tersebut akan diambilkira. Pasukan yang telah menang didalam perlawanan tersebut dianggap menang.

9.6. Sekiranya masih tidak dapat menentukan pemenang antara tiga (3) atau lebih pasukan, maka keputusan akan ditentukan dengan cara cabutan undi.

**10. PAKAIAN SERAGAM**

10.1. Semua pemain sepasukan mesti berpakaian seragam yang bernombor 1 hingga 18 sahaja. Pemain 'libero' hendaklah memakai jersi yang berlainan warnanya.

10.2. Ukuran nombor ialah 10 cm tinggi di tengah hadapan dan 15 cm tinggi di belakang.

**11. KETIGGIAN JARING**

11.1 Kategori Lelaki - 2.43Meter

11.2 Kategori Perempuan - 2.24Meter

**12. PEMBATALAN (WALKOVER)**

12.1. Setiap pasukan mestilah berada digelanggang tiga puluh (30) minit sebelum pertandingan dijalankan.

12.2. Pasukan yang lewat 15 minit selepas masa yang dijadualkan tanpa sebab yang munasabah akan dianggap sebagai telah memberi kemenangan percuma kepada lawannya.

12.3. Pasukan yang memberi kemenangan percuma dianggap telah menarik diri dari kejohanan dan tidak dibenarkan menyertai perlawanan-perlawanan seterusnya. Semua keputusan perlawanannya yang lalu akan dibatalkan.

## 13. PENGADIL

13.1. Jawatankuasa Pengadil Kejohanan akan melantik pengadil-pengadil bertauliah untuk bertugas disepanjang pertandingan berlansung.

## 14. PENGANTUNGAN

14.1. Seorang pemain yang telah disingkirkan daripada satu perlawanan atas sebab berlaku buruk atau biadap, maka ianya dengan secara otomatik digantung bermain dalam perlawanan-perlawanan berikutnya sehingga Jawatankuasa Tatatertib membuat keputusan.

## 15. BANTAHAN

15.1 Keputusan pengadil adalah muktamad. Segala bantahan mengenai undang-undang permainan akan dirujuk kepada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola.

15.2 Sekiranya Pengerusi Jawatankuasa Pengelola tidak dapat menyelesaikan masalah, bantahan itu boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Rayuan. Pasukan yang ingin membuat bantahan semasa perlawanan berjalan mesti memberitahu pengadil secara lisan. Walaubagaimanapun, perlawanan akan diteruskan 'Dalam Bantahan'. Hanya ketua pasukan dibenarkan membuat bantahan.

15.3 Pasukan yang ingin membuat bantahan semasa perlawanan berjalan mesti memberitahu pengadil secara lisan. Walaubagaimanapun, perlawanan akan diteruskan 'Dalam Bantahan'. Hanya ketua pasukan dibenarkan membuat bantahan.

15.4 Bantahan secara bertulis mesti disampaikan kepada Juri Rayuan dalam tempoh 30 minit selepas perlawanan dan disertakan dengan wang pertaruhan sebanyak RM 200.00. Jika bantahan didapati tidak sah, maka wang pertaruhan tidak akan dikembalikan.

## 16. JURI RAYUAN

16.1. Ahli-ahli Jemaah Rayuan terdiri daripada Pengerusi Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya yang berfungsi sebagai Ketua Juri Rayuan, Ketua Pengadil Kejohanan, dan dua (2) orang pengurus pasukan yang tidak terlibat dengan bantahan tersebut.

16.2. Jemaah Rayuan akan bersidang dalam masa satu jam sebaik sahaja menerima bantahan itu. Keputusan Jemaah Rayuan adalah muktamad.

## 17. HADIAH

17.1. Hadiah-hadiah adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Johan | - | sebuah piala iringan + 15 medal |
| Naib Johan | - | sebuah piala iringan + 15 medal |
| Ketiga | - | sebuah piala iringan + 15 medal |
| Keempat | - | sebuah piala iringan + 15 medal |

## 18. PERKARA AM

18.1. Jawatankuasa Pengelola berhak menjemput mana-mana pasukan yang difikirkan sesuai untuk menyertai kejohanan ini jika sekiranya berlaku kekurangan pasukan semasa tarikh tutup penyertaan seperti di Para 6.1.

18.2. Jawatankuasa Pengelola mempunyai hak untuk mengambil sebarang keputusan jika timbul sesuatu kemusykilan dalam kejohanan ini yang tidak dinyatakan dalam peraturan pertandingan ini dan keputusannya ada muktamad.

18.3. Pihak Jawatankuasa Pengelola juga berhak meminda sebarang undang-undang ini jika didapati perlu. Segala pindaan akan dimaklumkan dengan seberapa segera atau sebelum perlawanan pertama dijalankan.

18.4. Tiap-tiap perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang telah dijadualkan. Walaubagaimanapun Jawatankuasa Pengelola berhak meminda susunan atau masa perlawanan jika perlu. Segala pindaan ini akan dimaklumkan kepada Pengurus Pasukan masing-masing dengan seberapa segera.

18.5 Jawatankuasa Pengelola Pertandingan ini tidak akan bertanggungjawab atas kemalangan dan kehilangan harta benda pasukan yang menyertai kejohanan ini.

18.6 Ahli-ahli pasukan yang boleh dibenarkan menduduki bangku pemain gantian yang disediakan pada masa perlawanan adalah seperti berikut:-

18.6.1 Pengurus Pasukan
18.6.2 Jurulatih / Penolong Jurulatih
18.6.3 6 orang pemain simpanan

18.7 Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi

18.7.1 Pengurus Kejohanan
***Encik Yeo Teck Kai ( 016 – 777 7178 )***

18.7.2 Setiausaha/ Bendahari Kejohanan
***Encik Ng Peng Kiong ( 012 – 775 1919 )***
***Encik Vincent Lau Wee Sen ( 016 – 3370199 )***

18.7.3 Pemangku Setiausaha VAJB
***Encik Wong Hong Yak ( 012 – 777 7780 )***

## 19. YURAN PENYERTAAN

19.1 Yuran Penyertaan sebanyak ***RM 180.00***
( Ringgit Malaysia Satu Ratus Lapan Puluh Sahaja )

19.2 Wang Cagaran sebanyak ***RM 100.00***
( Ringgit Malaysia Satu Ratus Sahaja)
Akan dipulang jika tidak melanggarkan peraturan- peraturan khas kejohanan.

## 20. PERATURAN KHAS KEJOHANAN

20.1 Sekurang – kurangnya seramai ***9*** orang pemain untuk bertanding dalam setiap perlawanan.

20.2 Bilangan pemain yang kurang dari ***9*** orang pemain semasa perlawanan dijalankan. Pasukan tersebut akan disingkirkan sepanjang kejohanan ini.

20.3 Semua pasukan diwajibkan hadir dalam ***Majlis Pembukaan*** Kejohanan dengan bilangan pemain yang tidak kurang dari ***9*** orang.

20.4 Untuk pasukan yang berjaya menyertai dalam peringkat separuh akhir diwajibkan menghantarkan seramai ***9*** orang pemain untuk hadir dalam ***Majlis Penutupan & Penyampaian Hadiah*** yang disediakan oleh pihak penganjur.

20.5 Wang Cagaran akan ***dirampas*** jika melanggari Peraturan Khas kejohanan Seperti di Para ***20.1 , 20.2 ,20.3*** dan ***20.4*** yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur.

Tarikh : 05 November 2008

Disediakan oleh:
Jawatankuasa Pengelola,
Kejohanan Bola Tampar Terbuka ( L&W ) VAJB 2008